Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Bhd lwn Aripin @ Ariffin bin Sharif

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO MT(4)–12–78 TAHUN 2008
KAMARDIN HASHIM PK
28 OCTOBER 2009

Pertubuhan Bukan Korporat — Pertubuhan — Koperasi — Keahlian — Permohonan keahlian oleh waris kepada ahli yang telah meninggal dunia — Sama ada waris berhak menjadi ahli menggantikan si mati — Sama ada mesyuarat agung mempunyai kuasa untuk melantik ahli baru — Sama ada syarat dan kelayakan bagi perlantikan sebagai ahli dipenuhi — Akta Koperasi 1993

Perayu adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah s 18(3) Akta Koperasi 1993 ('Akta tersebut') dengan undang-undang kecilnya ('UKK') dan aturannya sendiri. Bapa responden bernama Hj Sharif adalah ahli dalam koperasi perayu dengan keahlian No 212. Hj Sharif telah meninggal dunia meninggalkan lapan orang waris iaitu seorang balu bernama Tiah dan tujuh orang anak termasuk responden. Selepas kematian Hj Sharif, semua urusan berkaitan dengan koperasi perayu telah diuruskan oleh responden sebagai wakil. Responden telah kemudian menghantar borang permohonan menjadi anggota koperasi perayu. Responden telah diluluskan sebagai wakil waris bagi keahlian No 212 sahaja. Perayu menolak permohonan responden untuk menjadi ahli koperasi. Menurut responden, beliau telah dilantik dengan sah sebagai ahli koperasi selepas bapanya meninggal dunia oleh kerana AGM telah membuat perlantikan dirinya pada 28 Jun 2000 selaras dengan s 31(1) UKK yang dibaca bersama dengan s 18(3) UKK. Responden bergantung kepada minit mesyuarat AGM tersebut di mana responden telah dilantik sebagai salah seorang untuk menentusahkan draf minit mesyuarat tahunan kali ke-25. Responden telah merujuk perkara keahliannya ke tribunal koperasi. Tribunal koperasi telah memutuskan memihak kepada responden. Perayu merayu terhadap keputusan tribunal koperasi tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu dengan kos:

(1) Seksyen 31(1) UKK tidak memberi kuasa kepada AGM untuk melantik anggota baru. Tribunal koperasi telah khilaf bila bergantung dan berpegang kepada minit mesyuarat AGM ke-25 apabila memutuskan responden telah dilantik sebagai ahli sedangkan AGM tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Kuasa untuk melantik ahli baru adalah terletak kepada kuasa lembaga pengarah koperasi seperti diperuntukkan di bawah s 14 UKK. Mesyuarat AGM bukan mesyuarat lembaga pengarah koperasi (lihat perenggan 14–15).

(2) Peruntukan yang lebih tepat untuk responden menjadi ahli adalah seperti diperuntukkan di bawah s 18(3). Seseorang penama seperti responden boleh diterima sebagai anggota di bawah s 18(3) jika beliau memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang diperuntukkan di bawah s 10 UKK. Setelah syarat-syarat dan kelayakan tersebut dipenuhi, maka barulah beliau boleh diputuskan oleh lembaga pengarah koperasi di bawah s 14 UKK untuk diterima sebagai anggota (lihat perenggan 15–16).

(3) Tribunal telah tersilap dan menggangap bahawa AGM ada kuasa untuk melantik ahli tanpa menghiraukan peruntukan penting di bawah s 10, s 14 dan s 18(3) UKK. AGM ke-25 telah hanya melantik responden yang menjadi wakil waris anggota No 212 sebagai salah seorang untuk menentusahkan deraf minit mesyuarat AGM tersebut sahaja dan bukan melantiknya sebagai anggota koperasi No 212 (lihat perenggan 17).

(4) Persetujuan waris-waris tidak menjamin responden boleh diterima oleh lembaga pengarah untuk menjadi anggota koperasi oleh kerana lembaga pengarah akan membuat keputusan berdasarkan kepada s 10 UKK. Oleh kerana responden tidak mendapat apa-apa bahagian syer si mati dan oleh kerana persetujuan dari waris-waris tidak lengkap, maka permohonan responden untuk menjadi anggota ditolak (lihat perenggan 19).

[English summary

The appellant was a cooperative registered under s 18(3) of the Co-operative Societies Act 1993 ('the Act') with its by law and its rules. The respondent's father, Hj Sharif was a member in the appellant's cooperative with his membership No 212. Hj Sharif had passed away leaving eight beneficaries ie a widow named Tiah and seven children including the respondent. Upon Hj Sharif's demise, all the affairs of the appellant cooperative was dealt with by the respondent as a representative. The respondent had thereafter sent an application form to be a member of the appellant's cooperative. The respondent had been approved to be the representative beneficiary only for the membership No 212. The appellant dismissed the respondent's application to be a member of the cooperative. According to the respondent, he had been legally appointed as the member of the cooperative upon the demise of his father as the AGM had appointed him on 28 June 2000 in line with s 31(1) of the by law read with s 18(3) of the by law. The respondent relied on the minutes of meeting of the AGM where the respondent had been appointed as a person to verify the draft minutes of the 25th annual meeting. The respondent had referred the matter regarding his membership to the cooperative tribunal. The cooperative tribunal had decided for the respondent. The appellant appealed against the decision of the tribunal.

Held, allowing the appellant's appeal with costs:

(1) Section 31(1) of the by law did not confer any power to the AGM to

appoint a new member. The cooperative tribunal had erred in relying and basing on the minutes of meeting of the 25th AGM in deciding that the respondent had been appointed as a member when the AGM had no power to do so. The power to appoint a new member is vested with the power of the board of the cooperative directors as provided under s 14 of the by law. The AGM meeting was not the board of the cooperative directors' meeting (see paras 14–15).

(2) The more accurate provision for the respondent to be a member is as provided under s 18(3). A nominee such as the respondent can be accepted as a member under s 18(3) if he fulfilled all the conditions and qualification as provided under s 10 of the by law. Once the conditions and qualification had been fulfilled, only then he could be determined by the board of the cooperative directors under s 14 of the by law whether to be accepted as a member (see paras 15–16).

(3) The tribunal had erred and assumed that the AGM had the power to appoint a member without regard to the important provisions under s 10, s 14 and s 18(3) of the by law. The 25th AGM had only appointed the respondent to be a representative beneficiary of member No 212 as a person to verify the draft minutes of the AGM and did not appoint him as a member No 212 of the cooperative (see para 17).

(4) The approval of the beneficaries did not ensure that the respondent would be accepted by the board of directors to be a member as the board of the directors would be making the decision based on s 10 of the by law. As the respondent did not obtain any part of the shares of the deceased and as the agreement from the beneficaries was not complete, thus the respondent's application to be a member was dismissed (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai koperasi, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 2679–2695.

Kes-kes yang dirujuk

Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers' Union [1995] 2 MLJ 317; [1995] 2 CLJ 748, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Koperasi 1993 ss 17, 18(3), 83
Ordinan Syarikat Kerjasama 1948

Ibrahim bin Hashim (Hassan Ibrahim & Co) bagi pihak perayu.
Shahruddin Osman (Shahruddin & Osman) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan perayu terhadap award yang dibuat oleh tribunal koperasi bertarikh 24 April 2007 yang memutuskan bahawa responden adalah disahkan sebagai anggota No 212 dalam koperasi perayu. Award tribunal koperasi tersebut diperturunkan di bawah ini untuk rujukan:

AWARD

TINDAKAN INI telah dipanggil untuk perbicaraan ada 16hb. Mei 2006 dan 8hb. Ogos 2006 DAN SETELAH MENDENGAR keterangan Pemohon DAN SETELAH MENDENGAR keterangan saksi-saksi Responden DAN SETELAH MENDENGAR peguamcara Pemohon dan peguamcara Responden MAKA ADALAH PADA HARI INI DIPERINTAHKAN bahawa keanggotaan Pemohon sebagai Anggota No. 212 telah dibuat secara sah pada tarikh 28hb. Jun 2000 semasa Mesyuarat Agung Kali ke 25 selaras dengan Seksyen 18(3) Undang-Undang Kecil Koperasi di mana Pemohon telah pun dilantik secara sah menggantikan arwah ayahnya iaitu Tuan Hj. Sharif Bin Sudin DAN AKHIR SEKALI DIPERINTAHKAN bahawa kos tindakan ini dan kos guaman Pemohon ditanggung oleh Responden.

Bertarikh pada 12 haribulan Julai 2007

TT

Pengerusi Tribunal Koperasi

[2] Perayu telah mengemukakan 12 alasan dalam rayuan mereka di mahkamah ini untuk mengenepikan award tribunal koperasi tersebut. Alasan-alasan tersebut yang terdapat dalam memorandum rayuan perayu adalah seperti berikut:

(a) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal mengambilkira s 14, s 43(2)(b) dan peraturan-peraturan berkaitan di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Bhd yang didaftarkan di bawah s 18(3) Akta Koperasi 1993 (selepas ini akan dipanggil secara ringkas 'UKK');

(b) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal memberi pertimbangan relevan kepada peruntukan undng-undang bahawa beban bukti adalah di atas responden untuk membuktikan bahawa responden adalah waris yang sah kepada arwah ayahnya dengan mengemukakan borang permohonan yang formal sepertimana diperuntukkan di bawah 'UKK' kepada perayu;

(c) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal memberi pertimbangan bahawa borang permohonan untuk menjadi ahli yang dikemukakan oleh responden adalah tidak lengkap sepertimana diperuntukkan di bawah 'UKK' kerana tidak terdapat surat persetujuan majoriti daripada waris-waris lain si mati dan juga ianya tidak dibuat dalam tempoh masa tiga bulan dari tarikh kematian ahli sepertimana diperuntukkan lagi di bawah 'UKK';

(d) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta dalam memberikan award dengan hanya berdasarkan anggapan bahawa responden telah hadir di dalam Mesyuarat Agong kali ke-25 dan secara otomatik menggantikan anggota No 212 tersebut tanpa mengambilkira bahawa tidak ada sebarang permohonan formal secara undang-undang telah dibuat oleh responden untuk menjadi ahli pengganti kepada arwah ayahnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah 'UKK';

(e) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta dengan hanya membuat 'inference' mengenai kehadiran responden dalam Mesyuarat Agong kali ke-25 dan selanjutnya mengesahkan responden sebagai seorang ahli yang sah menggantikan arwah ayahnya tanpa mengambilkira bahawa tidak ada apa-apa peruntukan di bawah 'UKK' yang menyatakan bahawa keahlian boleh diterima dalam apa-apa mesyuarat agong yang diadakan oleh perayu akan tetapi melalui prosedur-prosedur undang;

(f) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta dengan menyatakan niat jahat ('bad faith') oleh perayu tanpa mengambilkira bahawa responden tidak mengikuti dengan ketat prosedur-prosedur untuk menjadi ahli yang terdapat dalam 'UKK';

(g) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal memberi pertimbangan relevan kepada peruntukan undang-undang dan ini dapat dilihat dengan jelas dan terang di dalam alasan penghakiman di mana tribunal koperasi hanya telah memberi perhatian penuh terhadap kehadiran responden dalam Mesyuarat Agong kali ke-25 tanpa mengambilkira bahawa tidak ada apa-apa minit mesyuarat yang telah diluluskan dimana responden telah diterima sebagai seorang ahli yang sah menggantikan arwah ayahnya;

(h) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal mengambilkira keterangan yang diberikan oleh saksi perayu 'SR1' dan 'SR2' bahawa responden tidak

mengemukakan borang-borang yang lengkap semasa memohon menjadi ahli menggantikan arwah ayahnya;

(i) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal mengambilkira bahawa pihak responden juga telah memberi keterangan bahawa tiada apa-apa usul 'resolution' telah dibuat dalam Mesyuarat Agong kali ke-26 ataupun mesyuarat agong sebelum itu, responden juga telah bersetuju semasa keterangan bahawa tidak pernah mendapat surat rasmi daripada perayu yang mengesahkan penerimaannya sebagai seorang ahli menggantikan arwah ayahnya;

(j) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila beranggapan pihak perayu mempunyai kelemahan-kelemahan pentadbiran dalaman tanpa menyentuh undang-undang dalam kegagalan responden untuk mematuhi kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan 'UKK' sebelum diterima sebagai ahli;

(k) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila menyatakan wujudnya 'bad faith' oleh perayu (yang mana dipertikaikan) tanpa mengambilkira fakta-fakta yang relevan dinyatakan di atas antara lain, seperti kegagalan responden untuk mematuhi kesemua peraturan yang berkaitan untuk menjadi anggota, kuasa-kuasa yang bukan terletak pada mesyuarat agong akan tetapi dengan lembaga pengarah dan peraturan-peraturan berkaitan dengan pengambilan ahli; dan

(l) tribunal koperasi telah melakukan kesilapan dari segi undang-undang dan/atau fakta-fakta apabila gagal memberi pertimbangan kepada seksyen-seksyen yang relevan dalam 'UKK' dan memberi pertimbangan yang keterlaluan kepada perkara-perkara yang tidak relevan dalam mencapai keputusan mereka.

FAKTA KES

[3] Latar belakang fakta kes secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 23 Julai 1973, sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Kerjasama Serbaguna Rancangan Kemajuan Tanah Anggota Polis Pangkat Rendah Johor Bhd ('syarikat polis Johor') telah diperbadankan dan didaftarkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948. Nama syarikat itu kemudiannya telah ditukar kepada Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Bhd pada 6 September 1996 dan didaftarkan di bawah s 18(3) Akta Koperasi 1993. Koperasi ini mempunyai undang-undang kecilnya (UKK) dan aturannya sendiri.

[4] Pada 28 Mac 1974, seorang anggota polis bernama Hj Sharif bin Sudin MM 14631 telah menjadi ahli kepada syarikat polis Johor dengan keahlian No 212. Apabila nama syarikat polis Johor ditukar nama kepada nama perayu, Hj Sharif bin Sudin terus kekal sebagai ahli koperasi perayu No 212. Pada 30 Januari 2000, Hj Sharif bin Sudin telah meninggal dunia kerana sakit tua. Si mati meninggalkan lapan orang waris iaitu seorang balu bernama Tiah bt Kahar dan tujuh orang anak termasuk responden di sini iaitu Hj Aripin bin Hj Sharif yang merupakan anak keempat kepada si mati.

[5] Selepas kematian Hj Sharif bin Sudin ('si mati'), semua urusan berkaitan dengan koperasi perayu telah diuruskan oleh responden sebagai wakil yang dilantik dan dipersetujui oleh semua waris si mati kecuali Tiah bt Kahar iaitu balu yang telah pun meninggal dunia pada 14 Mac 2000, lebih kurang dua bulan selepas kematian si mati. Pada pertengahan tahun 2004, responden telah menghantar borang permohonan menjadi anggota koperasi responden. Permohonan responden pada mulanya telah diluluskan tetapi kemudiannya ditarik balik atas alasan bahawa responden gagal untuk mengemukakan surat persetujuan daripada waris-waris yang lain. Setelah surat persetujuan waris diperolehi, responden telah diluluskan sebagai wakil waris bagi keahlian No 212 sahaja dan perayu menolak permohonan responden untuk menjadi ahli koperasi. Tidak puas hati dengan keputusan perayu, responden telah merujuk perkara ini ke tribunal koperasi yang mana keputusan tribunal koperasi pada 24 April 2007 memihak kepada responden. Perayu merayu terhadap keputusan tribunal koperasi tersebut ke Mahkamah Tinggi. Pada 8 September 2009, saya telah membenarkan rayuan perayu dengan memerintahkan award tribunal koperasi bertarikh 24 April 2007 tersebut diketepikan dengan kos. Responden sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan saya tersebut.

HUJAHAN PERAYU

[6] Peguamcara perayu berhujah bahawa terdapat banyak kesilapan undang-undang oleh tribunal koperasi dalam membuat award yang memihak kepada responden terutama gagal untuk menimbangkan sepenuhnya UKK koperasi yang mengikat semua anggota koperasi. Seksyen 17 Akta Koperasi 1993 memberi pengiktirafan kepada UKK itu. Kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh tribunal koperasi itu adalah seperti berikut:

(a) Tribunal koperasi memutuskan bahawa mesyuarat agong tahunan ('AGM') mempunyai kuasa untuk melantik dan meluluskan ahli koperasi. Keputusan ini adalah salah oleh kerana s 31 Akta yang memberikan kuasa kepada AGM tidak termasuk kuasa untuk melantik dan meluluskan ahli koperasi. Sebaliknya kuasa melantik dan meluluskan ahli diberikan kepada lembaga pengarah koperasi seperti diperuntukkan di bawah s 14 UKK.

(b) Tribunal telah gagal mengambilkira kesan sepenuhnya peruntukan s 14 UKK tersebut;

(c) Tribunal telah menggunapakai s 18(3) UKK tetapi telah gagal untuk merujuk kepada s 10(e) UKK yang sama yang mana memperuntukkan bahawa ahli keluarga yang menerima bahagian syer terhad kepada seorang sahaja. Tribunal hanya menyenaraikan waris-waris si mati sahaja tanpa memberi perhatian kepada keperluan persetujuan daripada waris-waris yang lain dengan sepenuh dan selengkapnya. Keterangan SP1 iaitu perayu sendiri jelas menyatakan bahawa beliau tidak melampirkan persetujuan semua waris-waris.

(d) Tribunal gagal menimbangkan fakta bahawa perayu yang bercadang untuk menggantikan si mati dan hendak menerima syer si mati mestilah telah diberikan syer oleh si mati terlebih dahulu sebelum kematian si mati tersebut. Pembahagian syer yang dibuat oleh si mati hanya memberikan 60% syer kepada isteri Tiah bt Kahar dan 40% syer kepada dua anak perempuannya iaitu Inap bt Hj Sharif dan Zuraidah bt Hj Sharif. Semua anak lelaki tidak mendapat sebarang syer daripada si mati. Ahli keluarga yang tidak diberikan apa-apa syer tidak layak untuk menjadi ahli koperasi.

HUJAHAN RESPONDEN

[7] Responden berhujah bahawa beliau telah dilantik dengan sah sebagai ahli koperasi selepas bapanya meninggal dunia oleh kerana AGM telah membuat perlantikan dirinya pada 28 Jun 2000 selaras dengan s 31(L) UKK yang dibaca bersama dengan s 18(3) UKK. Responden bergantung kepada minit mesyuarat AGM tersebut di agenda 21 yang melantik enam orang anggota dan empat anggota lembaga koperasi termasuk pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Tahunan kali ke-25. Responden salah seorang telah dilantik dari kalangan anggota koperasi.

[8] Responden mengaku bahawa s 14 UKK memperuntukkan kuasa kepada lembaga koperasi untuk melantik ahli tetapi berhujah bahawa s 18(3) UKK hendaklah dibaca bersama. Oleh kerana s 14 UKK menyatakan penerimaan ahli dibuat dalam 'mesyuaratnya', maka perkataan 'mesyuaratnya' itu hendaklah termasuk AGM.

[9] Seterusnya responden berhujah bahawa beliau telah mendapat 2% syer bapanya. Oleh itu beliau dikatakan berhak untuk menjadi ahli koperasi untuk menggantikan arwah bapa beliau.

[10] Isu terakhir mengenai persetujuan daripada waris-waris yang lain, responden berhujah tiada terdapat peruntukan mengenai keperluan

persetujuan waris-waris di bawah Akta dan UKK. Walau bagaimanapun responden menafikan telah gagal untuk mendapatkan persetujuan waris-waris. Responden berhujah beliau telah mendapatkan persetujuan semua waris-waris yang masih hidup kecuali dua waris telah meninggal dunia iaitu ibu beliau Tiah bt Kahar (meninggal dunia pada 14 Mac 2000) dan adik beliau Sabirin bin Sharif (meninggal dunia pada 15 Mei 2004).

PANDANGAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

[11] Tribunal Koperasi telah ditubuhkan di bawah s 83 Akta Koperasi 1993 bertujuan untuk mendengar dan menentukan apa-apa pertikaian yang dirujuk kepadanya. Mana-mana pihak yang terkilan dengan award tribunal boleh merayu terhadap award itu kepada Mahkamah Tinggi mengikut peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah yang terpakai bagi Mahkamah Tinggi. Setakat ini tiada kes yang dilaporkan berkaitan dengan rayuan terhadap award yang dikeluarkan oleh tribunal koperasi di Malaysia. Oleh itu kes-kes berkaitan keputusan/award oleh lain-lain tribunal bawahan boleh dijadikan sebagai panduan kepada mahkamah ini dalam menentukan prinsip-prinsip yang patut diikuti dalam memutuskan rayuan perayu di sini.

[12] Dalam kes *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers' Union* [1995] 2 MLJ 317; [1995] 2 CLJ 748, Gopal Sri Ram JCA (sekarang HMP) telah memutuskan seperti berikut:

> [6] An inferior tribunal or other decision making authority, whether exercising a quasi-judicial function or purely an administrative function, has no jurisdiction to commit an error of law and it is no longer of concern whether the error is jurisdictional to commit an error of law and it is no longer of concern whether the error is jurisdictional or not. Such distinction ought no longer to be maintained. If there is an error of law upon which the award of the tribunal is founded, such error whether of interpretation of otherwise must necessarily be without jurisdiction or in excess of jurisdiction. If follows that the decision of the board in *South East Asia Fire Bricks Sdn Bhd v Non-Metallic Mineral Products Manufacturers Employees Union & Ors* [1980] 2 MLJ 165; [1980] 1 LNS 71, and all those cases approved by it are no longer good law.
>
> [8] It is neither feasible nor desirable to attempt an exhaustive definition of what amounts to an error of law, for the categories of such an error are not closed. But an error of law would be disclosed if the decision maker asks himself the wrong question, or takes into account irrelevant considerations, or omits to take into account relevant consideration, or if he misconstrues the terms of any relevant statute, or misapplied or mis-state a principle of the general law.

[13] Oleh itu jelas bahawa sekiranya terdapat kesilapan undang-undang dibuat oleh tribunal koperasi dalam mengeluarkan awardnya, maka adalah

wajar rayuan perayu di sini dibenarkan dan award tribunal koperasi itu diketepikan. Dalam alasan penghakiman oleh pengerusi tribunal koperasi menyatakan bahawa responden telah dilantik oleh AGM. Keputusan ini bersandar kepada s 31(1) UKK. Seksyen ini memperuntukkan seperti berikut:

> Urusan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah —
>
> (1) Melantik sesuatu Jawatankuasa yang terdiri daripada Pengerusi, tiga orang anggota Lembaga dan enam orang anggota untuk menentusahkan deraf minit mesyuarat agong tahunan itu.

[14] Apa yang terjadi dalam AGM ke-25 yang telah diadakan pada 28 Jun 2000 ialah bahawa responden telah dilantik sebagai salah seorang daripada enam orang anggota untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agong tersebut. Perlantikan enam anggota itu adalah daripada kalangan mereka yang telah menjadi anggota koperasi termasuklah anggota yang menjadi wakil waris si mati. Malahan responden sendiri telah bersetuju dalam keterangannya bahawa tiada usul dibuat untuk dia diterima sebagai anggota. Seksyen 31(1) UKK tidak memberi kuasa kepada AGM untuk melantik anggota baru. Tribunal koperasi telah khilaf bila bergantung dan berpegang kepada minit mesyuarat AGM ke-25 apabila memutuskan responden telah dilantik sebagai ahli sedangkan AGM tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Kuasa untuk melantik ahli baru adalah terletak kepada kuasa lembaga pengarah koperasi seperti diperuntukkan di bawah s 14 UKK. Untuk senang rujukan diperturunkan peruntukan tersebut di bawah ini:

> 14 Penerimaan menjadi anggota hendaklah dibuat oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya.

[15] Hujahan peguamcara responden bahawa perkataan 'mesyuaratnya' di bawah s 14 UKK tersebut termasuk mesyuarat AGM adalah tidak betul dan amat mengelirukan. Begitu juga keputusan tribunal yang berpegang kepada tafsiran yang sama adalah satu kesilapan. Apa yang diperuntukkan di bawah s 14 UKK tersebut adalah penerimaan seseorang ahli dibuat oleh lembaga dalam mesyuaratnya adalah membawa maksud mesyuarat lembaga pengarah koperasi tersebut. Mesyuarat AGM dengan terang sekali bukanlah satu mesyuarat lembaga pengarah koperasi. Dalam kes ini, responden adalah seorang penama bagi menggantikan tempat arwah bapa beliau sebagai ahli dalam koperasi ini. Oleh itu peruntukan yang lebih tepat untuk beliau menjadi ahli adalah seperti diperuntukkan di bawah s 18(3) UKK yang berbunyi seperti berikut:

18(3) Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 10, seseorang penama bolehlah diterima menjadi anggota dan penama yang demikian itu hendaklah dianggap tidak menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.

[16] Seksyen 10 UKK pula memperuntukkan berkaitan kelayakan seseorang itu untuk menjadi anggota. Seseorang penama seperti responden boleh diterima sebagai anggota di bawah s 18(3) jikalau beliau memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang diperuntukkan di bawah s 10 UKK. Setelah syarat-syarat dan kelayakan tersebut dipenuhi, maka barulah beliau boleh diputuskan oleh lembaga pengarah koperasi di bawah s 14 UKK untuk diterima sebagai anggota. Syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan oleh s 10 UKK terpakai secara umum kepada ahli baru yang membuat permohonan baru dan termasuklah penama yang menggantikan anggota yang lain di bawah s 18(3) UKK seperti responden dalam kes ini. Seksyen 10 UKK tersebut berbunyi:

10 Kelayakan menjadi anggota Koperasi ini hendaklah:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(c) bermastautin atau bekerja atau memiliki tanah dalam kawasan operasi Koperasi ini;

(d) tidak bercacat cela di sisi undang-undang, tidak gila atau bankrap, tidak disabitkan atasnya kesalahan yang boleh didaftarkan dan tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dalam tempoh satu tahun; dan

(e) ahli keluarga yang menerima bahagian syer daripada anggota-anggota yang sedia ada. Dengan terhad kepada seorang bagi setiap keluarga.

[17] Peguamcara responden langsung tidak merujuk kepada syarat-syarat dan kelayakan yang diperuntukkan di bawah s 10 UKK tersebut dalam hujahnya. Begitu juga pengerusi tribunal langsung tidak membuat sebarang penemuan fakta berkaitan dengan soal kelayakan responden untuk menjadi anggota seperti diperuntukkan di bawah s 10 UKK tersebut. Tribunal juga langsung tidak merujuk kepada s 18(3) UKK dalam penemuan fakta dan award mereka. Tribunal hanya merujuk kepada minit mesyuarat AGM ke-25 dan ke-26 dan membuat dakwaan bahawa responden telah dilantik oleh AGM untuk menjadi anggota bagi menggantikan keanggotaan arwah bapanya. Tribunal telah tersilap dan menggangap bahawa AGM ada kuasa untuk melantik ahli tanpa menghiraukan peruntukan penting di bawah ss 10, 14 dan 18(3) UKK. Perlantikan yang dibuat oleh AGM ke-25 adalah melantik responden yang menjadi wakil waris anggota No 212 yang telah meninggal

dunia, sebagai salah seorang daripada enam anggota untuk menentusahkan draf minit mesyuarat AGM tersebut sahaja dan bukan melantik beliau sebagai anggota koperasi No 212.

[18] Mengenai isu sama ada responden ada menerima bahagian syer daripada arwah bapanya langsung tidak disentuh oleh tribunal dalam award dan dalam alasan penghakiman oleh pengerusi tribunal. Peguam responden berhujah bahawa terdapat kesilapan dalam kenyataan waris yang dikatakan disediakan oleh kerani. Peguamcara responden menyatakan kerani telah silap menulis bahagian syer anak lelaki si mati sebagai 0% yang sepatutnya 2%. Hujahan peguamcara responden ini tidak berasas kepada keterangan. Dalam kenyataan waris yang ditandatangan oleh arwah bapa responden bertarikh 28 Mac 1974 (di ms 147 rekod rayuan) jelas memperuntukkan 60% bahagian syer si mati diberikan kepada balu, Tiah bt Kahar dan baki 40% bahagian syer diberikan kepada dua anak perempuan yang bernama Inap bt Sharif dan Zunaidah bt Sharif yang mana setiap seorang akan menerima 20% bahagian syer. Terdapat kenyataan di bahagian bawah di ruangan 'Berapa Bahagian (Peratus)' dinyatakan 'DAN SEMUANYA ANAK LAKI2 SAYA YANG ADA NAMA DI DALAM SURAT INI MENDAPAT 0%'. Di ruang No 4, tertulis nama responden. Oleh itu jelas bahawa responden tidak mendapat apa-apa bahagian syer si mati.

[19] Responden telah mengemukakan persetujuan waris-waris untuk beliau mengambil alih keanggotaan bapa beliau dalam koperasi tetapi beliau gagal memgemukakan persetujuan daripada waris Tiah bt Kahar dan Sabirin bin Sharif. Walau apapun, persetujuan waris-waris tidak menjamin responden diterima oleh lembaga pengarah untuk menjadi anggota koperasi oleh kerana lembaga pengarah akan membuat keputusan berdasarkan kepada s 10 UKK. Oleh kerana responden tidak mendapat apa-apa bahagian syer si mati selain alasan persetujuan waris-waris tidak lengkap maka permohonan responden untuk menjadi anggota telah ditolak. Responden telah tersilap dengan membuat pegangan bahawa beliau telah diterima sebagai anggota koperasi dalam mesyuarat AGM ke-25 walhal pihak perayu dalam surat mereka bertarikh 15 November 2004 dengan jelasnya menyatakan bahawa responden adalah sebagai wakil waris sahaja (di ms 145 rekod rayuan) dan permohonan responden untuk menjadi anggota telah ditolak oleh perayu melalui surat mereka bertarikh 7 Mac 2005 (di ms 148 rekod rayuan).

[20] Oleh kerana tribunal koperasi telah membuat kesilapan undang-undang dalam membuat awardnya bertarikh 24 April 2007 dalam kes ini, adalah wajar award tersebut diketepikan. Dengan itu, atas alasan-alasan

yang disebutkan di atas, saya membenarkan rayuan perayu dengan kos dan memerintahkan award tribunal dalam kes ini diketepikan.

Rayuan perayu dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum